

GEMILANG

EDISI KHAS



2012:
POLITEKNIK MERLIMAU
TERUS MENERAJU ASPIRASI

PMM Berjaya Merangkul Gold Medal & Silver Medal Dalam i-Envex 2012



Penyampaian hadiah disampaikan oleh Brig. General Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMap yang turut dihadiri oleh YB Dato' Mukhriz Tun Dr Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

i-ENVEX 2012 adalah pertandingan tahunan anjuran kerjasama antara ENVEX Young Researcher Club (EYReC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kementerian Pengajian Tinggi. Pada tahun 2012, i-ENVEX dengan tema "Engineering for Society" disertai oleh lebih dari 100 inventor dari 12 negara iaitu Malaysia, Indonesia, Korea, Egypt, UEA, Taiwan, Pilipina, Kemboja, Iraq, Jerman, United Kingdom dan Canada.

Pertandingan yang berkonsepkan pameran dan diadili oleh beberapa juri dari pelbagai negara. Peserta terbahagi kepada beberapa kategori iaitu Classed A: Agriculture & Enviromental and Renewable Energy, Classed B: Automotive, Transportation & Industrial Design, Classed C: Biotechnology, Health & Chemicals, Classed D: Building, Construction & Materials, Classed E: I.C.T, Multimedia & Telecommunications, Electricity & Electronic, Classed F: Manufacturing Process & Machines and Equipment, Classed G: Social Science.

Penyertaan julung kali Politeknik Merlimau ini telah menghantar dua penyertaan yang diwakili oleh pelajar dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam melalui dua projek yang dinamakan Nutshell dan Smart Concrete Hand Tool akhirnya memperoleh kemenangan utama iaitu menewaskan Negara-negara luar dengan memenangi Gold Medal - Nutshell, i-ENVEX Best Award Classed D (Building, Construction & Materials)- Nutshell dan Silver Medal – bagi projek Smart Concrete Hand Tool.



Anugerah Emas Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Kebangsaan 2012

Kejayaan memperolehi tiga bintang dalam Konvensyen Persekitaran Berkualiti Peringkat Wilayah Selatan 2012 yang diadakan pada Julai 2012 telah melayakkan Politeknik Merlimau untuk menyertai Konvensyen Persekitaran Berkualiti di Peringkat Kebangsaan yang telah berjaya dianjurkan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC).

Konvensyen tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin. Sebanyak 47 agensi kerajaan dan swasta telah mengambil bahagian dalam Konvensyen tersebut. Pasukan Politeknik Merlimau yang terdiri daripada Puan Khuzaimah binti Baharuddin, Puan Zuraini binti Zainal Abidin, Puan Nin Hayati binti Mohamad Yusoff, Puan Zinatul 'Ashiqin binti Mohd Noor dan Encik Arman bin Md Said telah membuat persembahan pembentangan pada 15 Oktober 2012 dan Politeknik Merlimau telah berjaya merangkul Emas berbanding Perak pada konvensyen yang sama tahun lalu.

PMM yang telah menerima persijilan 5S dari MPC sejak 31 Mac 2009 untuk keseluruhan kampusnya sekaligus menjadi Politeknik Malaysia pertama mempunyai persijilan tersebut. PMM telah berjaya mengekalkan persijilan tersebut untuk tempoh empat tahun berturut-turut dan markah ketika pengauditan pada bulan April lalu melayakkan PMM ke konvensyen Wilayah Selatan, dan seterusnya ke Peringkat Kebangsaan.

PMM Tempat Ke-3 Catur Bistari IPT Peringkat Kebangsaan



KARNIVAL 2012

BISTARI & PELAWANAN & KECUALAN



Kejayaan PMM amat membanggakan

MERILMAU - Kejayaan Politeknik Merlimau Melaka (PMM) memperolehi tempat ketiga dalam Cabaran Catur Bistari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) peringkat kebangsaan 2012 lalu sesuatu yang dibanggakan.

Pengawai Perhubungan Awam

PPM, Nurhasnani Abdul Wahab berkata, kejayaan yang diraih di Kompleks Perbadanan Putrajaya, baru-baru ini membuktikan keunggulannya pasukan catur PMM.

Katanya, Juara Cabaran Catur Bistari Piala Ketua Pengarah Jabatan

Pengajian Politeknik bersaing dengan 40 IPT lagi seluruh negara membabitkan 530 peserta.

Ia dianjurkan Johor Corporation dan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sinar Harian, Khamis, 4/10/2012 (MIS 36)

Pasukan Catur Bistari PMM yang telah menjadi Juara Cabaran Catur Bistari Piala Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), sekali lagi membuktikan keunggulannya apabila memenangi Tempat Ke-Tiga Cabaran Catur Bistari IPT Peringkat Kebangsaan 2012. Cabaran yang disertai oleh 530 peserta dari 41 Intitusi Pengajian Tinggi Malaysia ini telah dianjurkan oleh Johor Corporation dan dirasmikan oleh Y.A.B Tan Sri Datuk Hj Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Dalam cabaran ini Universiti Malaysia Pahang telah muncul Johan dan Naib Johan dimenangi pasukan dari Universiti Pertahanan Malaysia. PMM telah diwakili oleh dua pasukan yang terdiri daripada 14 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Permainan Catur Bistari adalah satu permainan mengasah minda keusahawanan pelajar di mana para peserta perlu melalui 3 laluan, iaitu Laluan Makan Gaji, Laluan Tjjarah dan Laluan Jihad. Setiap peserta perlu berusaha mengumpul kekayaan melalui kebijaksanaan membuat keputusan untuk mengubah taraf hidup daripada pekerja biasa yang makan gaji kepada seorang usahawan dan akhirnya mampu membuat kebajikan kepada komuniti melalui kekayaan yang ada.

Festival Inovasi Politeknik Malaysia 2012 (INNOFEST 2012)



Politeknik Ungku Omar dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menganjurkan Program FESTIVAL INOVASI POLITEKNIK MALAYSIA 2012 (INNOFEST 2012). Program ini adalah selaras dengan agenda Kerajaan yang telah mengistiharkan Tahun 2012 sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 (SGI2012) dengan matlamat menggerakkan agenda pembangunan Negara menerusi pembudayaan Sains dan Inovasi dikalangan rakyat Malaysia.

Dua orang pelajar, Mashitah Binti Rosli dan Norliyana Binti Johar dengan diiringi oleh 2 orang pensyarah Puan Siti Marlinna Chu Binti Mohd Rizal Chu dan Puan Noorhaslizah Binti Ahmad Rosli untuk bertanding di dalam pertandingan projek inovasi tersebut dan meraih kejayaan. Pasukan PMM berjaya menjadi Johan Pertandingan Projek Inovasi melalui produk Nutshell, Anugerah Platinum Pertandingan Inovasi juga melalui produk Nutshell dan Anugerah Emas Pertandingan Inovasi melalui produk Smart Concrete Hand Tool.

CONFERENCE AND EXHIBITION

INNOCONF2012

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor

18th July 2012



Innovation Conference and Exposition 2012 (INNOCONF 2012) berlangsung di Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor. Program anjuran Eduplore Sdn Bhd bersama Malaysia Industry-Government Group For High Technology (MIGHT) sebuah organisasi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Prominent Line Sdn Bhd, dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

PMM melalui penyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu Zuliana binti Aliman dan Maisara binti Zainal Abidin telah membentangkan kertas kerja dengan tajuk Tahap Penerimaan Masyarakat Sekitar Merlimau Pasir Terhadap Minuman Lemonade Henna melayakkan mereka menerima Anugerah Emas menewaskan pembentang lain yang terdiri dari pihak Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara.

PMM telah menghantar 10 pembentangan turut disenaraikan Top 10 List For Excellent Award melalui kertas kerja bertajuk Safety Net Binder (Nutshell) dan Kajian Terhadap Penerimaan Multipurpose Kerabu Powder di Kalangan Warga Politeknik Merlimau.

Puan Zuliana binti Aliman dan Puan Maisara binti Zainal Abidin memegang mock-check bernilai RM 1,500.00 sebagai hadiah tempat pertama INNOCONF 2012.



Anugerah Emas Innovation Conference and Exposition 2012 (INNOCONF 2012)



PMM Tempat Ke-3 di Konvensyen Young Entrepreneur Challenge (1MYEC) 2011/2012

Program 1M-YEC adalah satu pertandingan projek keusahawanan sosial yang telah dijalankan selama setahun bermula Jun 2011 dan telah berakhir pada 20 Julai 2012.

Pasukan 1M-YEC PMM telah menjalankan projek memasarkan produk kraftangan keluaran OKU di PDK Nur Ehsan, Pulai. Projek ini disertai oleh tujuh orang pelajar yang terdiri daripada para pelajar JKE dan JP di bawah penasihat projek Rabi'ah Seman (JP) dan Normaizatul Mona (JKE).



Konvensyen kali pertama ini telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), Yayasan SIFE Malaysia dan INSKEN dan disertai oleh 31 buah IPTA, IPTS, Politeknik dan Sekolah Menengah Atas. Kejayaan ini menjadikan PMM adalah yang terbaik dari sembilan buah politeknik yang menyertai.

I-KOKU Meraih Tempat Ke-3 Dalam Anugerah Inovasi KPT (AIKPT) 2012



Anugerah Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi (AIKPT) merupakan satu program *signature* KPT semenjak Tahun 2009. AIKPT 2012 pada tahun ini merangkumi empat kategori yang dipertandingkan iaitu; Kategori Ibu Pejabat KPT, Jabatan dan Agensi di bawah KPT; Kategori IPTA; Kategori Politeknik; dan Kategori Kolej Komuniti.

Penyertaan PMM melalui Sistem yang dinamakan I-KOKU telah berjaya mendapat tempat ke-3 bagi Kategori Politeknik. I-KOKU adalah sistem yang pertama dihasilkan bagi mengurus data pelajar kokurikulum dan pendaftaran kursus.

Pasukan pengaturcara I-KOKU terdiri daripada En Erizman Bin Soib, En Mohd Anwar Bin Mohd Yassin dan En Saifful Bahari Bin Omar telah mengambil masa lebih kurang enam bulan dalam membangun dan menaiktaraf sistem dari masa ke masa.

PMM Hornets

Juara Kejohanan Ragbi 10'S Tertutup Melaka



Memenangi tiga saingan awal pada peringkat kumpulan membolehkan pasukan PMM Hornet yang diletakkan sebagai pilihan kedua kejohanan, menjuarai Kumpulan B dengan mengalahkan pasukan ATM Terendak Gunners (15-0), UniKL Micet (10-7) dan Petronas Melaka (25-0) pada kejohanan yang disertai oleh pasukan ragbi seluruh negeri Melaka. Kecemerlangan pasukan PMM diteruskan pada peringkat suku akhir Cup selepas menewaskan pasukan Tuah RC dengan mata 19-0.

Dalam saingan separuh akhir CUP, pasukan PMM berjaya mengalahkan pasukan pilihan pertama kejohanan MHSOB dengan mata 24-0 hasil permainan pantas dan gerakan-gerakan yang menarik seterusnya membawa pasukan ke peringkat akhir CUP.

Kemenangan PMM Hornet ke atas UTeM 5-0, sudah cukup meletakkan PMM sebagai juara negeri Melaka 2012. Semangat juang yang tinggi untuk memperagakan persembahan yang terbaik amat membanggakan dan harus dipuji. Setiap pemain menunjukkan kesungguhan dan semangat berpasukan yang tinggi walaupun dihalang oleh faktor saiz fizikal, pengalaman dan usia yang masih muda.

Tarikh : 10 - 11 Mac 2012
Tempat: SMT Melaka Tengah,
Bukit Katil, Melaka

PMM Hornets

NAIB JUARA KEJOHANAN RAGBI 10'S PIALA NAIB CANSSELOR UPNM KALI KE-3 2012



Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah menganjurkan Kejohanan Ragbi 10'S Piala Naib Canselor UPNM Kali Ke-3 2012 yang berlangsung pada 12-14 Oktober 2012 bertempat UPNM, Sungai Besi.

Pasukan Ragbi Politeknik Merlimau (PMM) berjaya melangkah ke perlawanan akhir kategori Cup untuk bertemu sekali lagi dengan pasukan Pusat Kecemerlangan Sukan Ragbi KPT, Universiti Putra Malaysia selepas tewas dalam Kejohanan MSP 10'S bulan lalu. PMM Hornet mengambil episod ini untuk berlatih lebih gigih sebagai persediaan menentang seteru tradisi, pasukan UPM.

Politeknik Merlimau diletakkan dalam kumpulan Pool C. Berikut adalah keputusan perlawanan:

Result Pool C:

PMM vs UTM (5-5),
PMM vs UPNM C (22-0),
PMM vs Universiti Malaysia Kelantan (50-0)
(Johan Kumpulan C)

Suku Akhir:

PMM vs UTP (17-5),

Separuh Akhir:

PMM vs UPNM A (17-0)

Akhir:

PMM vs UPM (12-31)

Pencapaian Sukan Politeknik Merlimau Gemilang 2012

Sebagai rekod sepanjang tahun 2012, PMM telah mencatat rekod pencapaian sukan seperti berikut;

1. Tempat-3 Keseluruhan Karnival Sukan IPT Melaka 2012
2. Juara Kejohanan Ragbi Segamat 10'S Canterbury UiTM 2012
3. Juara Kejohanan Ragbi 10'S Tertutup Melaka 2012
4. Johan Kejohanan Sofbol (Wanita) Majlis Sukan Politeknik Ke -7 KPTM 2012
5. Naib Juara dalam Kejohanan Ragbi 10's Jemputan Antarabangsa Labuan 2012 Edisi ke-11
6. Tempat Ke-Tiga Tenpin Bowling Kategori Perseorangan, Kejohanan tenpin Boling Terbuka KPT 2012
7. Johan Badminton Perseorangan Majlis Sukan Politeknik (MSP) 2012
8. Futsal Juara Sirkuit 1 Futsal IPT 2012

Sofbol Wanita PMM ulangi kejayaan pasukan *Sinar Harian, Jarakat page 37.*



Pasukan Sofbol Wanita PMM bergambar kenangan selepas muncul Johan pada Kejohanan Sofbol kali ke-7 yang diadakan, baru-baru ini.

MERLIMAU - Pasukan Sofbol Wanita Politeknik Merlimau Melaka (PMM) muncul johan pada Kejohanan Sofbol kali ke-7 Majlis Sukan Politeknik 2012 yang berlangsung di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu, baru-baru ini.

Kemenangan itu sekali lagi mengulangi kejayaan semasa Majlis Sukan Politeknik 2010 yang ketika itu berlangsung di Politeknik Merlimau dua tahun lalu.

Pasukan yang dibarisi tujuh maha lara dan sepuluh maha baru itu, membuktikan terdapat keserasian kombinasi kerja berpasakan di bawah bimbingan jurulatih Zahrin Tokjan, Zulfadli Ghani, Maria Mohammad, Norlina Ibrahim dan Mohamad Faisal Ahmad selaku pengurus pasukan yang telah berhempas pulas memasing strategi bagi memastikan kejayaan ini.

Kapten pasukannya, Nur Syazana Mustaffa, berkata, jurulatih banyak menyumbang dalam kejayaan ini bagi memasti-

kan fizikal di samping taktik terbaik dalam strategi permainan.

"Walaupun terdapat beberapa insiden kecederaan melibatkan pelajar dan jurulatih namun sedikit pun tidak mematahkan semangat pasukan PMM untuk memperolehi kejayaan.

"Kejayaan ini bukan usaha satu pihak sahaja malah berkat serta doa restu semua pihak terutama pengurusan Politeknik Merlimau yang mengeluarkan dana sepanjang kejohanan ini amat dihargai," katanya.

Dalam perlawanan akhir kejohanan itu, PMM bersaing sengit dengan pasukan Sofbol Wanita Politeknik Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim dan setelah berhempas pulas bermain selama dua jam akhirnya PMM mampu bergelar johan dengan kemenangan tipis 10-9.

Manakala pasukan lelaki PMM yang tidak kurang hebat, bagaimanapun terpaksa akur di peringkat suku akhir menentang pasukan



Pasukan ragbi Politeknik Merlimau ketika bertanding Kejohanan Ragbi 10'S.

Usaha gigih skuad ragbi PMM berbaloi

Walaupun menduduki tempat kedua, pasukan ragbi Politeknik Merlimau Melaka (PMM) tetap bergas berti kerana berjaya meraih pengalaman berharga dalam Kejohanan Ragbi 10'S Jemputan Antarabangsa Labuan 2012 edisi ke-11, baru-baru ini.

Kejohanan itu disertai oleh 16 pasukan dari kelab ragbi seluruh Malaysia, Brunei dan Singapura dengan dibarisi oleh pemain import

antaranya dari Fiji, Samoa dan negara Eropah. Berdepan dengan pasukan pilihan, Sabah Warriors yang mendapat sambutan jurulatih Samoa dalam perlawanan akhir tidak menggentarkan pasukan PMM untuk melakukan yang terbaik.

Namun, nasib tidak menyebelahi mereka apabila terpaksa akur dengan kekalahan 7-30 selepas wisel penamat. Pada peringkat kumpulan, pasukan PMM menduduki

tempat kedua dengan memenangi dua perlawanan awal mementang pasukan Front Row Club dari Kuala Lumpur 06-0 dan Bendaryaya Knights dari Negara Brunei 28-0 dan tewas 10-7 kepada pasukan pilihan juara Sabah Warriors.

Tewaskan pemain import Kecermerlangan pasukan PMM diteruskan pada peringkat suku akhir selepas menewaskan pasukan OSCAR BC yang menggunakan khidmat pe-

main import dari Samoa dengan mata 7-0 dalam perlawanan yang sengit. Dalam saingan separuh akhir, pasukan PMM berjaya mengalahkan MAS Coogars dari Kuala Lumpur dengan mata 23-7 untuk mara ke peringkat akhir.

Pasukan PMM yang mahu merebus kekalahan pada peringkat kumpulan menentang Sabah Warriors terus berunding selepas kalah tipis 10-7 pada walaupun pernah mendahului 7-0 dalam awal perlawanan.

Kekalahan itu meletakkan pasukan PMM sebagai naib juara kejohanan dan memperbaiki pencapaian history ke separuh akhir tahun lalu. Jurulatih pasukan, Mohd Shafie Osman, berkata pujian harus diberikan kepada anak didiknya kerana mereka sudah menunjukkan semangat juang yang tinggi untuk memperagakan persembahkan terbaik dalam perlawanan akhir.



PASUKAN futsal PMM dengan hadiah kemenangan Liga Futsal IPT 2012 Zon Utara.

Politeknik Merlimau semakin berbisa

Oleh Abu Bakar Samat
bhvarsiti@bharian.com.my

PASUKAN futsal Politeknik Merlimau Melaka (PMM) muncul juara kategori lelaki dalam saingan Kejohanan Liga Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2012 Sirkuit 1 Zon Utara, manakala pasukan futsal Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula muncul johan bagi kategori wanita.

Aksi bertenaga dan persefahaman ditunjukkan pemain PMM menyaksikan mereka membenam cabaran Kolej Komuniti Pahang (KKP), 4-1, pada perlawanan akhir yang dipenuhi aksi mendebarkan.

Sementara itu, aksi bertenaga dalam saingan akhir kategori wanita mengheret perlawanan membabitkan pasukan futsal UIAM dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke penentuan sepakan penalti selepas terikat 2-2 pada waktu permainan sebenar. Bagaimanapun, UMT gagal memanfaatkan peluang apabila pemain mereka gagal menyempurnakan sepakan penalti menyaksikan UIAM muncul juara dengan keputusan muktamad UIAM 2-1 UMT.

Juara sirkuit 1 kategori lelaki menerima hadiah wang tunai RM3,000, sijil dan trofi; manakala bagi kategori wanita pula, juara membawa pulang wang tunai RM1,500.

Sebanyak 114 pasukan daripada IPT, termasuk kolej komuniti dan politeknik berentap pada aksi sirkuit 1 membabitkan 22 pasukan lelaki dan wanita.

Dibahagikan kepada tujuh zon iaitu Utara, Tengah Utara, Tengah Selatan, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak, kejohanan yang memasuki edisi ketiga itu dianjurkan bersama UIAM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Kejohanan yang diperkenalkan KPT itu adalah inspirasi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaleed Nordin, yang bertujuan mempromosikan kemahiran dan nilai tambah bagi muncul modal insan berkualiti.

Melaka Hari Ini

Sukan



Ms 25



Ms 26

Perlawanan Persahabatan Antarabangsa

PMM JINAKKAN 'LOUGHBOROUGH SCHOOL' U.K

"Perlawanan yang berlangsung di Padang Ragbi PMM ini adalah perlawanan persahabatan kedua pasukan United Kingdom yang sama sebelum ini pada 12 Julai lalu telah pun bertempur dengan pasukan 'Loughborough School' U.K (U16)," ujarnya lagi. Sementara itu, Pengarah PMM, Dr. Anahad Kamin berkata, penglibatan kerjasama dan sokongan dari semua warga PMM dalam mempersembahkan sukan sukan amat dihargai. Pengarah pasukan, Mohd Shafie Osman berkata,



Berbaris pasukan ragbi PMM bersama pasukan 'Loughborough School'.

Varsity (Bharian) 12/11/2012